

Pengaruh Politik Terhadap Keselamatan Sempadan Darat Malaysia-Indonesia: Analisis Dari Perspektif GBC Malindo

Political Influence In Malaysian-Indonesian Land Border Management: Analysis From The Perspective of GBC Malindo

MOHD IKBAL MOHD HUDA^{1*} & SHAHRIZAL SA'AD²

¹*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

²*Pegawai dari Bahagian Pengurusan Sempadan Darat, Majlis Keselamatan Negara, Aras G, Blok D5, Kompleks D, 62502, Putrajaya, Malaysia*

Corresponding author: ibahuda@ukm.edu.my

Received: 25 September 2025 Accepted: 03 January 2026

Abstrak

Perkembangan politik yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia khususnya selepas kemerdekaan telah menyaksikan pasang surut dalam hubungan kedua-dua negara yang boleh memberi kesan terhadap kerjasama keselamatan sempadan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh politik terhadap keberkesanan GBC Malindo iaitu sebuah platform kerjasama keselamatan sempadan yang diwujudkan sejak 1972 dalam usaha kerajaan meningkatkan keselamatan sempadan kedua-dua negara. Struktur dan elit politik yang pelbagai di Sabah dan Sarawak serta kompleksiti pentadbiran di Kalimantan Barat dan Kalimantan Timur berupaya memberi kesan terhadap keberkesanan GBC Malindo. Kajian dilaksanakan secara kualitatif dengan data primer diperolehi melalui temubual berstruktur melibatkan pegawai yang terlibat dengan GBC Malindo di kedua-dua negara dan juga analisis dokumen melibatkan laporan, risalah, minit mesyuarat GBC Malindo. Hasil analisis mendapati bahawa faktor politik merupakan *pull factor* kepada pengukuhan kerjasama keselamatan GBC Malindo yang mana peranan elit politik melalui kepengerusian GBC Malindo terserlah dalam menentukan halatuju kerjasama, komitmen berterusan dalam membendung ancaman keselamatan sempadan termasuk peningkatan *security measures* di sempadan darat kedua-dua negara. Namun pada masa yang sama, wujud birokrasi politik yang telah menyebabkan jurang dalam tadbir urus GBC Malindo khususnya melibatkan struktur dan gerak kerja GBC Malindo.

Kata kunci: Kerjasama Keselamatan Sempadan; Keberkesanan GBC Malindo; Sempadan Darat Malaysia-Indonesia; Pengaruh Elit Politik; Pengurusan Keselamatan Sempadan

Abstract

Political developments between Malaysia and Indonesia, especially since independence, have witnessed fluctuations in their relationship, impacting border security cooperation. This article aims to analyse the political influences on the effectiveness of GBC Malindo, a border security cooperation platform established in 1972 to enhance security between the two countries. The various structures and political elites in Sabah and Sarawak, as well as the administrative complexities in West Kalimantan and East Kalimantan, can affect GBC Malindo's effectiveness. The study employed a qualitative approach, gathering primary data through structured interviews with GBC Malindo

officials from both countries. Document analysis included reports, brochures, and minutes of GBC Malindo meetings. The study found that political factors significantly contribute to strengthening GBC Malindo security cooperation. The role of political elites, particularly through the GBC Malindo chairmanship, influences cooperation direction and demonstrates continuous commitment to mitigating border security threats and enhancing security measures along the land border. However, political bureaucracy has created governance gaps within GBC Malindo, particularly concerning its structure and workflows.

Keywords: Border Security Cooperation; GBC Malindo Effectiveness; Malaysia-Indonesia Land Border; Political Elite Influence, Border Security Management

Pengenalan

Politik merupakan aspek yang perlu dititikberatkan dalam pengurusan keselamatan sempadan masa kini. Perkembangan politik Malaysia terutamanya penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia telah mewujudkan kumpulan-kumpulan tertentu menuntut supaya kerajaan persekutuan memberi perhatian terhadap pembangunan Sabah dan Sarawak termasuk mempertingkatkan keselamatan sempadan di sempadan darat Malaysia-Indonesia. Ini kerana keadaan semasa di Sabah dan Sarawak masih ketinggalan khususnya dari aspek ekonomi dan keselamatan. Lebih-lebih lagi sempadan darat Malaysia-Indonesia kini menghadapi pelbagai ancaman transnasional seperti pencerobohan oleh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta penyeludupan barangan dan manusia. Disebabkan itulah, hubungan kerjasama keselamatan ini telah dijalinkan antara negara Malaysia dan Indonesia melalui kerangka General Border Committee (GBC) Malaysia-Indonesia (Malindo).

GBC Malindo berasal daripada *Security Arrangement* (SA) 1972 dan ditandatangani pada 6 April 1972 serta dikemaskini pada 3 Disember 1984 (SA 1984). Ia menggariskan keperluan penubuhan GBC Malindo untuk mengendalikan kerjasama keselamatan dalam melaksanakan operasi-operasi bersama bagi mengatasi ancaman keselamatan di sepanjang sempadan kedua-dua negara. GBC Malindo dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Indonesia dan ahli-ahli yang dilantik oleh Kerajaan masing-masing. Di bawah GBC Malindo, terdapat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee* - HLC) Malindo yang dipengerusikan secara bersama oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan Panglima Tentera Nasional Indonesia serta ahli-ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi Bersama GBC Malindo masing-masing. HLC Malindo merupakan jawatankuasa tertinggi, di mana isu-isu akan diketengahkan dalam kerangka ini, sebelum ianya diusulkan untuk kelulusan GBC Malindo.

Jawatankuasa-jawatankuasa lain adalah (i) *Coordinated Operations Control Committee* (COCC) yang melaksanakan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan sempadan; (ii) Jawatankuasa Latihan Bersama (JKLB) untuk pelaksanaan capacity building antara ATM dan TNI; (iii) *Joint Police Cooperation Committee* (JPCC) untuk kerjasama berkaitan pencegahan *Transnational Organized Crime* (TOC) antara PDRM dan POLRI; dan (iv) Jawatankuasa Pembangunan Sosio Ekonomi Malaysia-Indonesia (JK Sosek Malindo) untuk menyelaras program dan aktiviti sosio-ekonomi yang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkaitan dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk di kawasan sempadan.

Bagi memperoleh hasil kajian yang lebih koheren, pengkaji mengapakai teori yang berkaitan pengurusan sempadan iaitu Teori *Boundary-Making*. Teori ini adalah berkaitan bagaimana sesuatu sempadan itu diwujudkan dan apakah tindakan (*measures*) yang perlu dilaksanakan oleh pemerintah. Pengkaji mendapati bahawa teori ini amat signifikan berdasarkan ancaman transnasional yang semakin kompleks kini melibatkan banyak aktor-aktor di sempadan serta kerjasama antara dua

negara juga turut meliputi pelbagai bidang selain keselamatan. Teori *Boundary-Making* ini menjelaskan tentang bagaimana kerajaan atau pemerintah berperanan dan bertindak dalam membentuk sesebuah sempadan negara yang praktikal dan selaras dengan norma antarabangsa. Signifikannya juga, teori ini mengangkat peranan negara atau pemerintah khususnya dalam menyediakan peruntukan wilayah bagi menangani konflik di sempadan (*allocation*), menggubal undang-undang melalui perjanjian bagi menentukan garis sempadan (*delimitation*), meletakkan garis sempadan sebagai tanda (*demarcation*) dan menentukan barisan pentadbiran yang mengendalikan sempadan (*administration*).

Teori ini juga melibatkan peranan besar negara atau pemerintah dalam memastikan sempadan negara dapat dibentuk dengan berkesan. Sebagai contoh, pada peringkat *allocation* melibatkan peranan politik kedua-dua negara untuk menentukan kedaulatan wilayah yang dapat diiktiraf kedua-dua negara. Kemudian, di peringkat *delimitation* pula, negara atau pemerintah perlu menentukan garisan sempadan serta menyediakan kerangka undang-undang yang dapat melindungi kepentingan sempadan yang telah dipersetujui sebelum ini melalui perjanjian di peringkat *demarcation* pula melibatkan tanggungjawab negara atau pemerintah untuk membina tanda (*border marker*) atau apa-apa infrastruktur sempadan yang dapat membezakan wilayah kedua-dua negara berjiran. Manakala di akhir proses iaitu *administration* pula adalah melibatkan tanggungjawab negara atau pemerintah untuk menyediakan pasukan atau anggota pentadbiran sempadan merangkumi aktiviti kawalan dan penguatkuasaan, pintu masuk dan lain-lain aktiviti yang diperlukan bagi memastikan sempadan negara selamat. Teori ini dilihat sangat praktikal dalam memberi panduan teknikal bagi sesebuah negara dalam mengurus sempadan.

Pengaruh Politik Dalam Pengurusan Sempadan di Peringkat Antarabangsa

Sebelum kita memahami pengaruh politik di sempadan darat Malaysia-Indonesia secara lebih terperinci, adalah penting untuk kita melihat bagaimana ianya terlibat dalam pengurusan keselamatan sempadan di peringkat antarabangsa. Banyak kajian yang dibuat sebelum ini yang menyatakan bahawa faktor politik memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan keselamatan di sempadan sebagaimana yang dinyatakan oleh Fawcett P. et al.¹ yang tidak menyangkal pengaruh politik sangat kuat dalam pengurusan keselamatan sempadan khususnya melibatkan penggubalan polisi dan dasar pengurusan sempadan sesebuah negara.

Elit Politik Mempengaruhi Pembentukan Dasar dan Polisi Keselamatan Sempadan

Elit politik adalah aktor utama dalam penentuan dasar dan polisi keselamatan sempadan sesebuah negara. Ia sangat berkait rapat dengan pengaruh atau identiti politik yang ingin dibawa oleh seseorang pemimpin yang memerintah sesebuah negara. Jika dilihat Amerika Syarikat (AS) sebagai contoh, pengaruh elit politik dalam menentukan dasar dan polisi keselamatan sempadan berubah mengikut Presiden yang memerintah pada ketika itu. Sebagai contoh perubahan besar dalam dasar keselamatan sempadan mereka selepas insiden 9/11 pada 2001 yang telah menjadikan pengganas (*terrorist*) sebagai salah satu ancaman terbesar dan turut merubah polisi dan dasar tegas AS di sempadan. AS dilihat memperketatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan bagi membendung ancaman pengganas melalui pendekatan '*War on Terror*'. Pada masa yang sama, mewujudkan kerjasama keselamatan sempadan dengan negara-negara jiran termasuk Kanada dan Mexico melalui pendekatan '*smart border*' yang ditandatangani pada akhir tahun 2001 dan 2002 dengan objektif untuk menyeimbangkan keperluan ekonomi dan keselamatan sempadan.

Sejak Presiden George W. Bush memegang jawatan sebagai Presiden AS, pelbagai dasar dan polisi baharu keselamatan sempadan telah dilaksanakan oleh beliau. Antaranya adalah dengan memperkenalkan '*Secure Fence Act*' pada tahun 2006 bagi mempergiatkan pembinaan pagar sempadan dan halangan sepanjang 670 batu bagi meningkatkan operasi kawalan dan penguatkuasaan di sempadan negara mereka khususnya sempadan dengan Mexic.² Dalam pada itu, Presiden George W. Bush juga telah meningkatkan dua kali ganda perbelanjaan untuk keselamatan sempadan iaitu daripada \$4.6 bilion pada 2001 kepada \$10.4 bilion tahun 2008, menambah bilangan ejen Peronda Sempadan daripada kira-kira 9,000 kepada lebih 12,000, mengerahkan ribuan anggota Pengawal Kebangsaan untuk membantu Peronda Sempadan. Beliau turut menaik taraf infrastruktur keselamatan sempadan termasuk meningkatkan penggunaan teknologi kawalan sempadan, menambah pusat tahanan (*detention centre*) dan menghantar pulang 6 juta migran asing yang memasuki AS secara haram.³

Pengurusan sempadan dilihat bertambah baik semasa pemerintahan Presiden Obama melalui dasar domestik baharu dan peningkatan kerjasama pelbagai hala. Antara inisiatif adalah perubahan ketara dalam prosedur kemasukan AS, sumber dan protokol baharu polis sempadan, serta pembaharuan sistem pemeriksaan dan bayaran kastam. Walau bagaimanapun, semasa pemerintahan Presiden Donald Trump, kawalan sempadan AS lebih ketat dan hubungan di antara kedua negara bersempadanan lebih tegang serta akses penduduk sempadan untuk merentasi sempadan serta menjalankan aktiviti di sempadan berkurangan akibat kawalan ketat yang dilaksanakan. Situasi ini telah menghalang warga asing yang benar-benar mempunyai urusan sah daripada menyeberang masuk ke sempadan.⁴ Pada tahun 2008, Presiden Donald Trump telah memperkenalkan polisi '*Zero Tolerance*' yang mana di bawah polisi ini, setiap migran termasuk pencari suaka yang cuba memasuki sempadan AS secara haram akan ditahan dan didakwa secara jenayah yang mana migran dewasa akan dipisahkan dengan kanak-kanak yang menemani mereka semasa ditahan. Polisi ini dianggap satu pendekatan yang kejam oleh AS terhadap migran dan bercanggah dengan konsep kemanusiaan yang diperjuangkan oleh negara itu.⁵

Walaupun begitu, semasa pemerintahan Presiden Joe Biden, polisi tersebut telah ditarik semula dan berlaku perubahan besar terhadap dasar dan polisi keselamatan sempadan oleh beliau. Antaranya adalah menggantung projek pembinaan pagar sempadan oleh Presiden Donald Trump sebaliknya menambah dana bagi meningkatkan infrastruktur sempadan sedia ada, melakukan reformasi sistem imigrasi AS dengan pelaksanaan undang-undang imigresen baharu yang dikenali sebagai *U.S. Citizenship Act of 2021* yang antara lain memudahkan proses pemberian warganegara dan taraf penduduk tetap kepada migran asing yang tidak berdokumen khususnya melibatkan kanak-kanak dan pencari suaka. Perubahan dasar dan polisi keselamatan sempadan AS dapat dilihat dengan jelas apabila berlaku perubahan kepimpinan antara Presiden Donald Trump dan Presiden Joe Biden yang mengubah pendekatan negara terhadap keselamatan sempadan.

Penguatan Kerjasama Memerlukan "Political Will" yang Kuat

Kerjasama sebagai satu proses yang kerajaan atau elit politik lakukan kerana mereka percaya bahawa dasar rakan kongsi dapat memudahkan pencapaian objektif mereka sendiri melalui kerjasama dasar atau penyelarasan. Walaupun kerjasama boleh berkembang berdasarkan kepentingan yang saling melengkapi, ia lebih kerap dilihat oleh penggubal dasar sebagai satu cara untuk mencapai objektif lain daripada tujuan dalam dirinya sendiri. Kerjasama memerlukan pelarasan dasar untuk memenuhi permintaan rejim lain.⁶ Kejayaan sesebuah kerjasama antara negara akan memberi kelebihan dari segi politik kepada elit politik dalam memperkukuhkan kuasa mereka di dalam negara. Disebabkan itu, elit politik akan cuba untuk mengadakan banyak platform kerjasama dengan negara

lain supaya dilihat signifikan dalam pentadbiran sesebuah negara.

Kerjasama keselamatan sempadan merupakan salah satu pendekatan dan strategi yang sering digunakan di peringkat antarabangsa dalam membendung ancaman keselamatan yang pelbagai khususnya melibatkan penyeludupan manusia dan imigran asing, penyeludupan dadah dan senjata api serta keganasan. Terdapat pelbagai bentuk kerjasama keselamatan sempadan yang dimeterai oleh negara-negara di Eropah dan luar Eropah yang bersempadanan bagi tujuan yang sama iaitu memelihara keselamatan sempadan dan menangani ancaman yang wujud melalui sempadan. Walaupun berdepan dengan cabaran, kerjasama keselamatan sempadan di negara Eropah dan luar Eropah telah mengukuhkan kawalan di sempadan melalui peningkatan keupayaan anggota yang bertugas di sempadan, berupaya menghapuskan halangan kepada perdagangan, perlindungan hak asasi manusia serta menangani jenayah rentas sempadan. Kerjasama keselamatan sempadan yang dimeterai juga telah membantu meningkatkan keselamatan bukan sahaja di sempadan tetapi isu-isu keselamatan lain yang berkait rapat dengan geopolitik sesebuah negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa pembentukan rejim keselamatan sempadan yang kukuh memerlukan pengaruh politik yang kuat. Welt⁷ dalam kajiannya yang bertajuk '*Political Change and Border Security Reform in Eurasia: The Case of Georgia*' telah menyatakan pengurusan keselamatan sempadan Georgia menghadapi cabaran dengan kewujudan rejim atau institusi yang lemah berikutan masalah dalaman (domestik) khususnya dalam aspek kekangan peruntukan kewangan, aset dan kepakaran yang terhad serta masalah korupsi di kalangan anggota penguatkuasa di sempadan. Keadaan diburukkan lagi dengan pengurusan sempadan yang dipengaruhi oleh birokrasi politik yang teruk. Hasil kajian mendapati Kerajaan Pusat iaitu Rusia perlu mewujudkan rejim sempadan yang kukuh sebagai titik permulaan penginstitutionan keselamatan sempadan yang berkesan di Georgia. Bantuan dan kerjasama daripada kerajaan pusat dalam keselamatan sempadan negeri adalah penting bagi memastikan negeri yang bersempadanan dengan negara luar dapat menguruskan sempadan dengan baik.

Rejim yang diwujudkan terbukti dalam membawa kebaikan dalam pengurusan sempadan antarabangsa namun turut terdapat jurang dalam menyeragamkan antara perundangan domestik dan antarabangsa.⁸ Sebagai contoh pendekatan perundangan negara AS terhadap masalah antarabangsa merupakan kesalahan paling serius dalam dasar luar AS melalui penerimaan beberapa sistem peraturan dan sekatan undang-undang antarabangsa yang boleh memberi kesan negatif kepada kerajaan AS. Justeru, negara perlu mempersoalkan kewajaran mengehadkan tingkah laku antarabangsa kepada batasan moral domestik. Namun, idea sebahagian negara untuk menyertai rejim perundangan antarabangsa boleh mengehadkan kemungkinan untuk negara mereka dicerobohi atau diserang.

Dalam pada itu, peningkatan ancaman keselamatan sempadan telah mewujudkan jurang keupayaan dan kapasiti antara negara serta memberi tekanan kepada komuniti antarabangsa khususnya dari kalangan negara-negara untuk meningkatkan kerjasama antara mereka dalam menangani peningkatan ancaman keselamatan transnasional khususnya yang melibatkan penganas (*terrorism*) selepas peristiwa 9/11. Ancaman penganas yang bersifat transnasional ini telah menyebabkan kebanyakan negara mengamalkan pendekatan '*statis-transnationalist*' dalam melaksanakan apa-apa usaha dan tindakan yang boleh meningkatkan keselamatan di sempadan sama ada melalui operasi bersama ataupun perkongsian maklumat risikan. Kerjasama keselamatan di peringkat transnasional pada pandangan penulis berupaya untuk mengimbangi atau mengurangkan jurang yang wujud berkenaan.⁹

Walau bagaimanapun, kerjasama keselamatan sempadan yang dibentuk sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor domestik termasuk politik. Sebagai contoh, dasar kawalan sempadan AS yang merangkumi bantuan kepada Mexico untuk mencapai matlamat keselamatan dan ekonomi sukar

dicapai atas faktor pengaruh politik domestik, kepentingan politik dan birokrasi politik. Situasi ini telah menyebabkan isu keselamatan di sempadan telah berterusan dan sukar dikawal tanpa integrasi dari kedua-dua negara AS dan Mexico. Dapat dilihat di sini bahawa walaupun elit politik memainkan peranan penting dalam pembentukan dasar dan polisi keselamatan sempadan namun ianya tetap dipengaruhi oleh cabaran-cabaran tertentu termasuk politik domestik, kepentingan politik dan birokrasi politik.¹⁰

Memahami Pengaruh Politik di Sempadan Darat Malaysia-Indonesia

Sempadan darat Malaysia-Indonesia menyaksikan wujudnya pengaruh politik yang kuat berikutan perkembangan dan kedinamikan hubungan dua hala kedua-dua negara sejak kemerdekaan lagi. Adalah penting untuk kita memahami sejarah dan perkembangan politik yang berlaku khususnya di Sabah & Sarawak (Malaysia) dan Kalimantan Barat, Kalimantan Timur & Kalimantan Utara (Indonesia). Selepas berakhirnya konfrontasi dan termaktubnya SA1967 menandakan era baharu dalam perhubungan kedua-dua negara untuk bekerjasama khususnya dalam menentang ancaman komunis di sempadan melalui PGRS dan PARAKU. Hubungan politik yang baik antara Malaysia dan Indonesia ini telah meningkatkan kerjasama dari pelbagai bidang termasuk keselamatan melalui GBC Malindo. Sekiranya tiada hubungan politik yang baik sudah tentu kerjasama GBC Malindo tidak akan bertahan sehingga kini sudah mencecah lebih 50 tahun.

Malaysia dan Indonesia boleh dikategorikan sebagai negara baharu dan oleh itu tidak hairanlah banyak isu keselamatan sempadan yang muncul berikutan kelewatan kedua-dua negara untuk menyertai sistem negara atau juga disebut sebagai '*state-making process*' berbanding dengan negara-negara Eropah yang terlebih dahulu mengadaptasi pembentukan sistem negara bangsa menerusi perjanjian Westphalia pada 1648.¹¹ Perkembangan politik yang berlaku di kedua-dua negara hanya berlaku sejak kemerdekaan iaitu Indonesia pada 1945 manakala Malaysia pada 1957. Tidak dapat dinafikan pengaruh politik sering dimainkan oleh elit politik kedua-dua negara mempengaruhi pendekatan dan strategi dalam pengurusan keselamatan sempadan termasuk konfrontasi Indonesia ke atas pembentukan Malaysia, ancaman komunis oleh PGRS dan PARAKU di Kalimantan, pemilikan Malaysia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan serta lain-lain isu kedaulatan dan keselamatan sempadan.

Dua elemen yang sering dikaitkan dalam pengaruh politik adalah peranan elit politik dalam menentukan dasar dan polisi keselamatan sempadan dan juga birokrasi politik yang wujud dalam pelaksanaan dasar dan polisi keselamatan sempadan berkenaan. Kedua-dua elemen ini memainkan peranan dalam membentuk identiti dan juga pelaksanaan apa-apa perancangan meningkatkan keselamatan sempadan. Struktur politik akan memberi kesan terhadap birokrasi yang wujud dalam pengurusan dan pentadbiran sempadan manakala elit politik pula banyak mempengaruhi sentimen dan sensasi isu-isu keselamatan di sempadan dalam mendapat laba politik (*political milage*). Golongan ini akan terus menggunakan kaedah ini dalam mendapatkan sokongan untuk terus berkuasa. Perkara ini sangat penting dikaji memandangkan penglibatan elit politik wujud dalam kerangka GBC Malindo melalui kepengerusian GBC Malindo oleh Menteri Pertahanan kedua-dua negara.

Perubahan Ancaman Keselamatan Sempadan dan Tindak Balas Elit Politik

Sebenarnya, pengaruh politik dalam pengurusan keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia sangat penting khususnya dalam penetapan dasar dan polisi keselamatan di sempadan. Walaupun kedua-dua negara berkongsi sempadan darat yang sama, namun pendekatan dan strategi berbeza berdasarkan tahap ancaman dan juga pengaruh elit politik yang memerintah negara pada ketika itu. Pendekatan dan strategi dalam pengurusan sempadan darat Malaysia-Indonesia berubah mengikut

bentuk ancaman yang dihadapi oleh negara pada sesuatu masa. Sebagai contoh, pendekatan dan strategi negara pada era 1960-an lebih kepada pendekatan kententeraan untuk membanteras ancaman komunis dan pemberontak di sempadan Sarawak-Kalimantan. Selepas ancaman komunis tamat pada 1980-an, pendekatan dan strategi negara berubah kepada ancaman bukan tradisional yang melibatkan jenayah rentas sempadan.¹²

Malaysia telah meletakkan 90 peratus keutamaan terhadap keselamatan dan pertahanan dan 10 peratus keutamaan kepada ekonomi di sempadan darat Malaysia-Indonesia. Pendekatan ini dibuat berdasarkan kepada ancaman keselamatan yang dihadapi oleh Malaysia khususnya melibatkan PATI, penyeludupan barangan bersubsidi, dadah dan lain-lain lagi telah memberi kesan terhadap keselamatan negara.¹³ Berbanding dengan pendekatan Indonesia yang meletakkan keperluan ekonomi sebagai keutamaan sebanyak 80 peratus manakala keselamatan adalah 20 peratus.¹⁴ Pendekatan ini diambil kerana isu-isu keselamatan melibatkan penyeludupan dan pencerobohan sempadan lebih banyak dilakukan oleh komuniti di sebelah Indonesia selain kepentingan untuk menjaga kebajikan komuniti mereka. Indonesia sedar bahawa kebanyakan aktiviti rentas sempadan yang dilakukan oleh rakyatnya di sempadan adalah bagi tujuan sosial iaitu ikatan kekeluargaan dan juga bagi mendapatkan keperluan harian. Disebabkan itu, Indonesia hanya menutup sebelah mata perkara itu kerana agak sukar untuk mengawal jumlah penduduk Indonesia yang ramai dan aktiviti itu pun mereka lakukan sebagai satu normaliti kehidupan dan untuk survival.

Dalam pada itu, hak Sabah dan Sarawak sebagai sebuah wilayah dalam Persekutuan Malaysia selalu disentuh dan diperjuangkan oleh elit politik domestik sehinggakan kerajaan terpaksa mengistiharkan status Sabah dan Sarawak sebagai sebuah wilayah seperti mana yang termaktub semasa pembentukan Malaysia pada 1963. Atas desakan ini, Perdana Menteri iaitu Anuar Ibrahim telah mewujudkan satu jawatan Timbalan Perdana Menteri dari kalangan elit politik domestik Sabah dan Sarawak dan mengumumkan peruntukan RM1 bilion bagi pembangunan infrastruktur keselamatan sempadan. Perdana Menteri juga turut mendesak supaya karenah birokrasi dalam penyaluran peruntukan dan pelaksanaan projek pembangunan dapat dikurangkan termasuk pemberian outonomi kepada Sabah dan Sarawak dalam meluluskan peruntukan projek pembangunan di bawah RM50 juta.

Semasa orde baharu, Indonesia tidak memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan di sempadan. Dorongan nasionalisme yang kuat dalam persekitaran domestik Indonesia sejak proses pendemokrasian berlangsung pada lewat dekad 1990-an, dipersepsikan semakin mengekang keupayaan kedua-dua kerajaan untuk berkompromi apabila melibatkan isu-isu kepentingan nasional dan kedaulatan. Hubungan bilateral antara Malaysia dan Indonesia melalui pasang surut dengan isu-isu bukan sahaja melibatkan kedaulatan wilayah namun isu-isu kebudayaan dan sosial kedua-dua negara. Presiden Jokowi mahu Indonesia menjadi kuasa besar di rantau ini dengan meningkatkan pembangunan infrastruktur keselamatan dan juga ekonomi di sempadan (PLBN, jaringan jalan raya, Pelabuhan dan lapangan terbang). Begitu juga dari aspek peningkatan pertahanan bagi membendung ancaman keselamatan di sempadan khususnya melibatkan sempadan maritim.

Dalam pada itu, Indonesia juga sering mengetengahkan bahawa mereka sebagai negara 'besar' di Asia Tenggara. Indonesia memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur di sempadan, Pos Lintas Batas Negara (PLBN) Baharu, jalan raya dan lain-lain. B.D.O Siagia,¹⁵ menyatakan sistem keselamatan negara Indonesia diwujudkan untuk melindungi kepentingan negara demi mencapai matlamat dan cita-cita negara seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Dasar Republik Indonesia 1945. Konsep sistem keselamatan negara abad ke-21 Indonesia terdiri daripada elemen keselamatan negara yang merangkumi Pertahanan Negara (Hanneg), Keselamatan Dalam Negeri (Kemendagri), Keselamatan Awam (Keselamatan dan ketenteraman awam / Kamtibmas), Keselamatan Manusia serta Keselamatan Siber dan Angkasa. Pendekatan strategi keselamatan adalah atas faktor peningkatan ancaman dalaman dan luaran terhadap keselamatan negara Indonesia.

Pengaruh Elit Politik Domestik dalam Isu-isu Keselamatan Sempadan

Isu keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia sering dijadikan sebagai elemen populisme oleh elit politik domestik untuk mendapat laba dan kepentingan politik peribadi mereka khususnya melibatkan isu-isu berkaitan kedaulatan dan keselamatan rakyat. Sempadan darat Malaysia-Indonesia yang porus dengan kewujudan banyak isu keselamatan khususnya melibatkan penyeludupan barangan dan PATI sememangnya tidak dapat lari dari menarik perhatian elit politik untuk isu tersebut diperjuangkan. Sebenarnya ada baik dan buruknya pengaruh elit politik tempatan mengenai perkara ini. Bagi meningkatkan keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia, pengaruh elit politik tempatan boleh bertindak sebagai '*check and balance*' terhadap pendekatan dan strategi kedua-dua negara di sempadan.

Sebagai contoh, di Malaysia terdapat juga elit politik domestik yang prihatin terhadap pembangunan ekonomi sempadan dengan menggesa kerajaan persekutuan untuk memberi perhatian dan keutamaan kepada Sabah dan Sarawak. Seorang Ahli Parlimen (MP) iaitu Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) mencadangkan supaya MINDEF meningkatkan jumlah anggota tentera di sempadan Malaysia-Indonesia bagi membendung ancaman kemasukan PATI.¹⁶ Kemudian, Ahli Parlimen Libaran, Suhaimi Nasir pula meminta KDN untuk menambah dan menaiktaraf pos kawalan yang daif dan tidak diselenggara dengan baik di sempadan darat Malaysia-Indonesia. Begitu juga dengan Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg meminta Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan penambahan pos kawalan sempadan di Sarawak bagi membanteras kemasukan pendatang asing secara haram dan meningkatkan keupayaan ICQS sedia ada di negeri.¹⁷

Namun sebaliknya, reaksi berlebihan elit politik tempatan yang mensensasikan isu-isu kedaulatan dan keselamatan boleh memberi kesan buruk terhadap hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Sebagai contoh, isu tuntutan bertindih di wilayah maritim Ambalat dan sempadan darat di Tanjung Datu-Camar Bulan. Kedua-dua isu ini pernah mencetuskan suasana tegang antara Malaysia dan Indonesia kerana telah disensasikan secara berlebihan oleh elit politik pembangkang di Indonesia. Seorang ahli Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) pembangkang iaitu TB Hasanuddin telah menprovokasi isu pencerobohan wilayah Tanjung Datu dan Camar Bulan di sempadan Kalimantan Barat-Sarawak. Menurutnya, Malaysia telah menceroboh sempadan Indonesia dengan mendirikan pusat pemuliharaan penyu di kawasan '*status quo*' yang dilarang melakukan sebarang aktiviti di kawasan bertindih tersebut.

Berikutan provokasi berterusan oleh beliau dan media massa ketika itu, parti-parti komponen kerajaan di Indonesia seperti Golkar, Parti Keadilan Sejahtera (PKS), Parti Persatuan Pembangunan (PPP), Parti Amanat Nasional (PAN) turut terpengaruh dan meminta kerajaan Indonesia melakukan bantahan dan tindakan segera terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, dakwaan TB Hasanuddin dibantah oleh Menteri Pertahanan Indonesia pada ketika itu iaitu Purnomo Yusgiantoro yang menyatakan tiada pencerobohan wilayah oleh Malaysia seperti mana yang didakwa oleh ahli DPR pembangkang tersebut dan isu tersebut hanya disensasikan secara berlebihan. Pada masa yang sama, anggota TNI yang menjaga kawasan tersebut turut memberi maklum balas menyatakan bahawa tiada kejadian pencerobohan sempadan yang dilaporkan oleh Malaysia dan tiada laporan dari anggota TNI yang menjaga di empat pos kawalan sempadan di kawasan tersebut.¹⁸

Dalam pada itu, cadangan perpindahan ibukota dari Jakarta ke Kalimantan Timur oleh Presiden Jokowi merupakan satu keputusan politik yang besar dalam sejarah Indonesia dan memerlukan sokongan politik yang kuat. Namun ianya tidak dapat lari dari kritikan oleh elit politik domestik di Indonesia. Antaranya, jurucakap Parti Keadilan Sejahtera (PKS), Indonesia iaitu Pipin Sopian mengkritik perbincangan Rang Undang-Undang Ibu Kota Negara (IKN) berkaitan perpindahan Ibu Kota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur apabila ianya dilaksanakan secara terburu-buru

dan hanya diluluskan dalam tempoh sebulan serta mengabaikan penglibatan masyarakat. Begitu juga dengan Hamid Noor Yasin, ahli Jawatankuasa Khas Rang Undang-undang IKN daripada PKS, Indonesia yang turut mengkritik cadangan Kerajaan Indonesia sebagai tidak realistik kerana keadaan tanah di kawasan cadangan ibu kota baharu iaitu di Kalimantan Timur (Kaltim) masih belantara/kosong/lapang dan infrastrukturnya belum disediakan dengan baik.

Walau bagaimanapun, perpindahan ibukota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur merupakan tindakan yang bijak oleh pemerintah Indonesia dan akan memberi paradigma baharu dalam pembangunan ekonomi di sempadan darat Malaysia-Indonesia. Gabenor Kalimantan Timur iaitu Isran Noor menyatakan perpindahan ibu kota Indonesia bukan untuk kepentingan Kalimantan Timur sahaja, tetapi untuk kepentingan bangsa Indonesia secara keseluruhan. Menurutnya, Presiden Joko Widodo telah mendapat sokongan 95 peratus kerusi Parlimen disebabkan cadangannya memindahkan ibu kota Indonesia ini. Beliau turut menyatakan bahawa 54 peratus daripada dana pembangunan infrastruktur adalah tertumpu di wilayah Jawa dan selebihnya dibahagikan kepada semua wilayah di Indonesia. Akibatnya, 60 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Serantau Kasar (GRDP) disumbangkan oleh Jawa. Perpindahan ibu kota ini akan menjadikan ianya lebih adil bagi seluruh Indonesia.¹⁹

Kepentingan Geopolitik Sempadan Darat Malaysia-Indonesia

Semasa pertemuan Perdana Menteri iaitu Anwar Ibrahim dan rakan seperjuangannya Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 2023 lalu telah menyaksikan komitmen kedua-dua pemimpin itu untuk menyelesaikan banyak perkara berkaitan keselamatan sempadan. Ia bukan sahaja melibatkan pertikaian berhubung kedaulatan negara khususnya melibatkan tuntutan bertindih namun potensi pembangunan ekonomi di sempadan yang boleh diperolehi oleh kedua-dua negara. Perpindahan ibu kota baharu Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur yang lebih dekat dengan Malaysia (Sarawak) merupakan cabaran dan komitmen besar Indonesia dalam memastikan keselamatan di sempadan darat Malaysia-Indonesia itu berada dalam keadaan yang baik. Oleh itu, sebarang isu-isu berbangkit di sempadan antara Malaysia dan Indonesia perlu diselesaikan dan perlu menjadi agenda utama pemimpin kedua-dua negara.²⁰

Malaysia telah meletakkan sempadan darat Malaysia-Indonesia sebagai kepentingan nasional bukan sahaja dari aspek kedaulatan dan keselamatan negara tetapi juga potensi besar dan juga manfaat kepada pembangunan ekonomi negara. Sebagai permulaan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk menaik taraf prasarana sempadan di Sarawak dan Sabah. Perkara ini turut dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Anwar Ibrahim menegaskan isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) antara yang menjadi keutamaan negara untuk menanganinya. Peruntukan sebanyak RM1 bilion yang diluluskan adalah untuk membantu menyeimbangkan keselamatan dengan sosial dan ekonomi dan membawa kemakmuran kepada Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini tidak termasuk perancangan pembangunan sedia ada di bawah RMK12 seperti Iborneo, ICQS Baharu dan lain-lain. Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak turut merancang pembangunan ekonomi di sempadan dengan pembangunan 'Bandar Sempadan', kawasan khas ekonomi dan lain-lain.

Selain daripada itu, cadangan Indonesia untuk memindahkan ibu kota negara dari Jakarta ke Kalimantan Timur pada tahun 2024 juga di jangka akan membawa perubahan besar kepada ekonomi, sosial, budaya dan politik di wilayah Kalimantan. Fokus Jakarta akan lebih terarah kepada aspek pembangunan di wilayah Kalimantan secara menyeluruh termasuk aspek jaringan perhubungan (*connectivity*) seperti pembinaan pelabuhan, jalan raya, lapangan terbang dan pembangunan Pos Lintas Batas di sempadan darat selain melibatkan aktiviti migrasi/ perpindahan penduduk Indonesia dari

kepulauan lain ke Kalimantan. Menurut Rayenda Khresna Brahmana, sekurang-kurangnya seramai 1.5 juta rakyat Indonesia akan bermigrasi ke Kalimantan Timur pada peringkat awal bagi menyokong pembangunan ibu kota yang baharu ini. Menurut Menteri Pertahanan Malaysia, Hishammuddin menyatakan Malaysia perlu mengimbangi keperluan dari aspek sosio-ekonomi di persempadanan berikutan perpindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan Timur ini. Ia juga perlu dilihat dari sudut keselamatan negara khususnya yang melibatkan aspek kawalan dan penguatkuasaan.²¹

Pada masa kini, kerajaan Indonesia juga telah melaksanakan Koridor Ekonomi Kalimantan (*Kalimantan Economic Corridor* - KEC) dengan menumpukan pembangunan wilayah-wilayah Kalimantan melibatkan pelaksanaan projek-projek mega dengan tumpuan utama pembangunan infrastruktur awam dan insentif sosial dan ekonomi. KEC ini akan menjadi tunjang memacu perkembangan ekonomi Indonesia untuk tempoh dua tahun akan datang. Keutamaan pada ketika ini adalah pembangunan jalinan perhubungan darat dan udara untuk mempertingkatkan kualiti dan kuantiti perhubungan domestik dan antarabangsa. Pembangunan wilayah-wilayah di Kalimantan akan memberi kesan langsung kepada Malaysia khususnya kepada negeri Sabah dan Sarawak yang bersempadan langsung dengan beberapa wilayah Kalimantan. Ia tampil dengan potensi pembangunan sosio-ekonomi tetapi turut memberikan impak kepada keselamatan dan kedaulatan Malaysia. Dijangkakan Indonesia akan mula memberi cadangan dan desakan untuk mendapatkan komitmen Malaysia bagi menyokong agenda pembangunan wilayah mereka.

Kerajaan Indonesia turut menumpukan pembangunan infrastruktur di wilayah-wilayah Kalimantan melibatkan pelaksanaan projek-projek mega dengan tumpuan utama pembangunan lebuh raya, jambatan utama, dan landasan keretapi bagi menghubungkan wilayah-wilayah di Kalimantan. Ianya turut bermatlamat supaya jalinan lebuh raya ini akan dapat mempertingkatkan perhubungan dengan Malaysia melalui pintu masuk sedia ada. Ianya sebagai sebahagian dari agenda yang lebih besar KEC iaitu Lebuh raya Trans-Kalimantan sepanjang 1,793 kilometer di jajaran sempadan darat Malaysia-Indonesia dengan anggaran keluasan 200km ke 300km setahun. Selain itu, peningkatan kualiti infrastruktur di wilayah-wilayah Kalimantan akan turut membolehkan pergerakan lebih pantas kenderaan dan manusia dalam jumlah yang lebih besar.²² Ini akan memberi impak keselamatan akibat aspek keupayaan aturgerak pasukan keselamatan Indonesia yang lebih baik ke kawasan pedalaman khususnya di kawasan sempadan. Ia juga dikhuatiri boleh memberi ruang lebih besar kepada perlakuan jenayah rentas sempadan atas faktor sosio-ekonomi yang mampu memberi masalah kepada Malaysia, sekiranya kawalan keselamatan sempadan negara tidak dipertingkatkan.

Cabaran kepada Malaysia adalah pembinaan jalanraya ini yang menelusuri jajaran sempadan darat Malaysia-Indonesia ini merupakan projek serampang dua mata di pihak Indonesia bagi tujuan pembangunan sosio-ekonomi dan memperkukuh pertahanan wilayah negara tersebut. Sebahagian besar kawasan berkenaan mempunyai pembangunan hasil pertanian ladang dan penerokaan hutan. Namun di sebelah Malaysia, sebahagian besar masih merupakan hutan tebal. Justeru, Indonesia berada di kedudukan lebih baik di dalam mengurus kawasan sempadan darat mereka berbanding Malaysia dengan terlaksananya projek pembinaan lebuh raya ini. Dengan adanya lebuh raya ini akan merancakkan aktiviti sosio-ekonomi dan berisiko menyebabkan negara terdedah kepada ancaman rentas sempadan secara haram yang lebih berleluasa di kawasan berkenaan.

Hasil Dapatan Kajian

Hasil analisis melalui data yang diperolehi melalui temu bual berstruktur dan dokumen rasmi GBC Malindo mendapati bahawa pengaruh politik merupakan *pull factor* kepada pengukuhan keselamatan sempadan darat kedua-dua negara melalui penetapan dasar dan polisi keselamatan sempadan namun pada masa yang sama birokrasi politik yang wujud pula telah menghadkan kerjasama khususnya

melibatkan struktur dan gerak kerja GBC Malindo.

Pengukuhan Kerjasama Melalui Kepengerusian GBC Malindo

Peranan elit politik penting dalam menetapkan dasar dan polisi keselamatan sempadan termasuk dalam kerangka kerjasama keselamatan sempadan di bawah GBC Malindo. Penglibatan elit politik sangat jelas dalam GBC Malindo terutamanya melalui kepengerusian jawatankuasa peringkat tertinggi oleh Menteri Pertahanan kedua-dua negara. Walaupun hanya melibatkan Menteri Pertahanan, namun penglibatan secara tidak langsung pemimpin-pemimpin lain dalam GBC Malindo terserlah melalui forum bilateral yang lain khususnya melibatkan hubungan diplomatik, perdangangan antarabangsa, keselamatan dalam negeri dan juga jaringan komunikasi antara negeri-negeri. Secara keseluruhannya, elit politik kedua-dua negara memberi perhatian terhadap keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia dan ianya kemudiannya diterjemahkan melalui penetapan dasar dan polisi dalam meningkatkan keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia.

Ini selaras dengan kepentingan nasional yang ditetapkan oleh elit politik kedua-dua negara yang berkaitan kedaulatan wilayah, keselamatan rakyat dan kepentingan ekonomi rentas sempadan bukan sahaja mengukuhkan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia sebalik mengeratkan hubungan kedua-dua negara ini. Di awal penubuhan GBC Malindo, fokus dan komitmen negara Malaysia dan Indonesia adalah sama iaitu bagi menangani aktiviti keganasan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan PARAKU yang telah mengancam keselamatan negara dan rakyat kedua-dua negara. Disebabkan itu, kedua-dua negara boleh bekerjasama kerana mempunyai matlamat yang sama. Namun, selepas ancaman komunis berakhir, pendekatan dan strategi kedua-dua negara turut berubah seiring dengan perkembangan politik dan berlaku di kedua-dua negara. Pun begitu, GBC Malindo tetap kekal relevan dalam konteks kerjasama kedua-dua negara bukan sahaja untuk meningkatkan keselamatan sempadan tetapi melangkau aspek pembangunan sosial dan ekonomi.

Pada dasarnya, elit politik kedua-dua negara mempunyai pemikiran yang sama dalam melihat peranan GBC Malindo dalam meningkatkan keselamatan kedua-dua negara. Kita dapat lihat bagaimana pengaruh elit politik melalui Menteri Pertahanan kedua-dua negara yang mempengerusikan GBC Malindo menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan GBC Malindo relevan. Sejarah membuktikan selepas ancaman komunis berakhir, struktur GBC Malindo telah ditambah baik yang mana tumpuan masih ke atas kawalan dan penguatkuasaan sempadan namun peranan agensi lain khususnya melibatkan sosial dan ekonomi melalui penubuhan SOSEK Malindo dan juga penambahbaikan JPCC dalam membendung ancaman jenayah rentas sempadan. Walaupun perubahan ancaman keselamatan sempadan dan pendekatan yang berbeza di sempadan oleh kedua-dua negara yang disebabkan oleh persepsi ancaman yang berbeza-beza, namun peranan yang dimainkan oleh GBC Malindo sangat signifikan khususnya melalui CBM oleh elit politik kedua-dua negara.

GBC Malindo Sebagai Platfom Utama Kerjasama Keselamatan Sempadan

Menyingkap sejarah penubuhan GBC Malindo melalui SA1972 dan kemudian ditambah baik melalui SA1984 membuktikan bahawa peranan elit politiklah yang menggerakkan dan mengukuhkan kerjasama dalam GBC Malindo. Kunjungan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Tun Dr. Ismail ke Indonesia pada 15 Mac 1972 menunjukkan bahawa gerakan elit politik dalam membentuk persefahaman melalui kerjasama keselamatan antara Malaysia dan Indonesia menjadi titik tolak kepada penubuhan GBC Malindo. Kemudian, beberapa siri pertemuan antara Presiden Suharto dan Perdana Menteri Tun Abdul Razak selepas itu telah memupuk hubungan politik yang baik pemimpin utama kedua-dua negara. Hubungan politik yang rapat antara kedua-dua pemimpin ini telah berjaya

menyelesaikan banyak isu berbangkit tanpa melalui platform rasmi kedutaan. Antaranya adalah jaminan Indonesia untuk menghormati hubungan laut dan udara antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang melalui Kepulauan Natuna milik Indonesia serta permintaan Malaysia untuk Indonesia menjadi 'orang tengah' dalam penyelesaian konflik bangsa Moro antara selatan Filipina dan Sabah.²³

Semasa era Tun Mahathir yang pertama, pengaruh beliau sangat signifikan dalam keselamatan sempadan khususnya melalui GBC Malindo. Beliau berjaya menonjolkan karektor yang lebih hebat berbanding Presiden Suharto. Pada suatu ketika kedua-dua pemimpin tersebut dilihat seolah-oleh berlumba-lumba untuk menunjukkan siapa yang paling hebat dalam dasar dan polisi keselamatan yang diperkenalkan. Ketidakstabilan politik yang berlaku di Indonesia telah menyebabkan negara itu mengalami perubahan tampok kepemimpinan yang ketara bermula 1998 sehingga 2014. Dalam tempoh tersebut, Indonesia dipimpin oleh empat presiden iaitu Presiden BJ Habibie (1998-1999), Presiden Abdulrahman Wahid (1999-2001), Presiden Megawati Sukarnoputri (2001-2004) dan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (2004-2014). Begitu juga dengan kancas politik yang berlaku di Malaysia melibatkan perubahan tampok kepemimpinan yang kerap selepas Najib Tun Razak tumbang pada 2018. Malaysia dipimpin oleh empat Perdana Menteri selepas itu iaitu Mahathir Mohamad (2018-2020), Muhyiddin Yassin (2020-2021), Ismail Sabri Yaakob (2021-2022) dan Anwar Ibrahim (2022-kini).

Namun dalam konteks hubungan Malaysia-Indonesia, walaupun terdapat perubahan kepemimpinan yang berlaku di kedua-dua negara, ianya tidak memberi kesan terhadap keberkesanan GBC Malindo secara keseluruhannya kerana aktiviti kawalan dan operasi bersama masih dilaksanakan seperti biasa dan mesyuarat antara agensi-agensi keselamatan kedua-dua negara berlangsung seperti mana TOR yang dipersetujui. Penganjuran mesyuarat GBC Malindo dilaksanakan setiap tahun dalam memberi pengarah kepada jawatankuasa kerja di bawahnya. Jadual di bawah menunjukkan bilangan mesyuarat GBC Malindo dan jawatankuasa kerja di bawahnya yang telah dilaksanakan sehingga 2022.

Jadual 1: Bilangan dan kekerapan mesyuarat jawatankuasa di bawah GBC Malindo

Jawatankuasa	Kekerapan Mesyuarat Setahun	Bilangan Mesyuarat sehingga 2022
GBC	Sekali	42
HLC	Sekali	16 ⁷
COCC	Dua kali	71
JKLB	Dua kali	87
JPCC	Dua kali	13
SOSEK	Dua kali	37

Sumber: Diolah oleh pengkaji berdasarkan sumber daripada Bahagian Pengurusan Sempadan Darat, MKN.

Komitmen Berterusan dalam Aktiviti Kawalan dan Penguatkuasaan Sempadan

Aktiviti kawalan dan penguatkuasaan sempadan merupakan merupakan aktiviti utama dalam GBC Malindo memandangkan isu keselamatan sempadan khususnya melibatkan JRS berluasa di sempadan darat Malaysia-Indonesia. Isu keselamatan sempadan yang berlaku ini sering mendapat perhatian elit politik kedua-dua negara memandangkan ancaman ini bukan sahaja memberi kesan terhadap keselamatan negara namun memberi kesan terhadap sosio-ekonomi komuniti di sempadan. Untuk itu, pewujudan jawatankuasa khas bagi menangani ancaman Jenayah Terancang Transnasional

ini (*Transnational Organized Crime* - TOC) dengan penubuhan JPCC dan SOSEK Malindo memandangkan masih berlaku aktiviti penyeludupan dadah, senjata api, percetakan dan pengedaran duit palsu, kegiatan lanun, penyeludupan manusia dan PATI sehingga menyebabkan Malaysia dan Indonesia.

Kelemahan aspek kawalan dan penguatkuasaan sempadan disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya jurang kemampuan dan keupayaan negara khususnya yang melibatkan kekurangan peruntukan kewangan dalam menempatkan anggota keselamatan bagi mengawal sempadan yang luas serta kekurangan penggunaan teknologi dalam aspek kawalan sempadan. Situasi ini diakui oleh kedua-dua negara dan oleh itu kerjasama keselamatan sempadan melalui GBC Malindo merupakan pendekatan yang sangat penting dan berkesan dalam meningkatkan keselamatan sempadan kedua-dua negara. Melalui pengarah dalam GBC, pelbagai penambahbaikam yang dilaksanakan di bawah COCC antaranya adalah mewujudkan Pos Gabungan (GABMA) yang menempatkan anggota keselamatan dari kedua-dua negara di kawasan-kawasan yang strategik. Meningkatkan perkongsian maklumat antara agensi keselamatan kedua-dua negara dalam menyalurkan maklumat pencerobohan dan penyeludupan di sempadan serta meningkatkan kapasiti anggota keselamatan yang mengawal sempadan.²⁴

Menteri Pertahanan Malaysia Hishammuddin Hussein (DSHH) pada tahun 2022, semasa Mesyuarat Ke-42 GB Malindo yang telah diadakan di Kuala Lumpur, menyatakan persefahaman telah dicapai dalam pertemuan beliau dengan rakan sejawatnya, Prabowo Subianto berhubung keselamatan dan pertahanan di sempadan. Ini termasuklah mempercepatkan penugasan Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Nasional Indonesia di Pos Gabungan Bersama (GABMA) yang sedia ada dan baharu melibatkan 7 pos di Malaysia dan 7 pos di Indonesia dan mengaktifkan semula patrol terkoordinasi Darat, Laut dan Udara yang telah tertangguh disebabkan Covid-19, sebagai langkah memperkukuhkan hubungan kerjasama antara agensi keselamatan kedua-dua negara. DSHH menyatakan mesyuarat dua hala itu memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kerjasama pertahanan dan pembangunan sosio-ekonomi di sepanjang sempadan Malaysia dan Indonesia. Ini selari dengan komitmen Kerajaan Persekutuan yang akan memberi fokus sepenuhnya untuk meningkatkan pertahanan di sempadan termasuk sempadan Sarawak-Kalimantan, lebih-lebih lagi mengambil kira perancangan Kerajaan Indonesia untuk memindahkan ibu kotanya ke Kalimantan kelak.

Dalam pada itu, DSHH turut menggunakan GBC Malindo untuk memperluaskan kerjasama pertahanan melalui perjanjian MoU pertahanan yang dimeterai di mana kerjasama lebih luas melangkau kawasan sempadan. Ini terlihat apabila isu yang biasanya di bincangkan dalam kerangka GBC adalah termasuk perbincangan kerjasama MOU dalam bidang *transnational crime* sebagai operasi menangani jenayah, peningkatan kerjasama kedua angkatan bersenjata, isu pentadbiran seperti perisikan, logistik, operasi, latihan dan pendidikan dan cadangan perubahan pada struktur organisasi GBC Malindo. Dalam siri pertemuan pada Mesyuarat Ke-42 GBC Malindo, kedua-dua negara turut menandatangani Memorandum Persefahaman untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam pertahanan merangkumi lima fokus utama iaitu meningkatkan perkongsian maklumat mengenai isu-isu pertahanan dan juga kerjasama dalam sains dan teknologi pertahanan antara lainnya.

Birokrasi Politik Melemahkan Tadbir Urus dalam GBC Malindo

Sememangnya wujud birokrasi politik dalam pengurusan keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pengaruh elit politik penting dalam penetapan dasar dan polisi keselamatan sempadan di kedua-dua negara. Adalah penting untuk kita memahami bagaimana pelaksanaan dasar dan polisi keselamatan sempadan ini dipengaruhi oleh aspek birokrasi politik khususnya melibatkan struktur pentadbiran kerajaan, perolehan peruntukan kewangan dan

fokus serta komitmen kerajaan di peringkat negeri/negeri. Analisis awal pengkaji mendapati bahawa politik amat mempengaruhi dalam penentuan pegawai yang menguruskan/mengendalikan GBC Malindo dan pengagihan peruntukan kewangan termasuk bagi negeri/negeri. Ianya turut memberi kesan kepada perubahan fokus dan komitmen terhadap aspek-aspek yang dipilih menjadi keutamaan dalam GBC Malindo.

Perubahan Kepimpinan Politik Mempengaruhi Tadbir Urus GBC Malindo

Di Indonesia sebagai contoh, setiap kali berlaku perubahan politik setiap kali itu juga hampir semua pegawai yang mengendalikan GBC Malindo dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya akan ditukar. Sebagai contoh apa yang berlaku kini di mana semua pegawai di peringkat negeri dan Daerah bertukar. Pegawai baru biasanya mengambil masa untuk mewujudkan hubungan yang rapat dengan pegawai di pihak Malaysia di mana bagi kerjasama yang lancar, ianya memerlukan hubungan yang telah kukuh terjalin. Selain itu, ahli politik baru berpandangan bahawa pegawai lama telah menyokong parti politik sebelumnya dan ini juga menjadi punca mengapa pegawai lama ditukarkan. Sejak 2001, berlaku perubahan besar-besaran pertukaran pegawai ini dimana sebelumnya ia sama dengan Malaysia iaitu pegawai lama banyak dikekalkan.²⁵

Akibat daripada birokrasi politik ini, pegawai lama yang berpengalaman terpaksa dikeluarkan dan digantikan dengan pegawai baharu yang tidak tahu apa-apa dan datang daripada latar belakang yang berbeza. Untuk membolehkan pegawai tersebut menguasai isu, ianya mengambil masa yang lama. Apa yang berlaku pegawai terdahulu juga kemungkinan tidak akan (*not willing*) memberikan semua maklumat kerana sudah pasti wujud perasaan tidak puas hati apabila mereka ditukarkan. Perkara ini membuatkan pegawai baharu perlu merujuk kepada sekretariat Malaysia. Namun, disebabkan pegawai tersebut masih baharu, sekretariat Malaysia juga kurang mengenali dan masih belum wujud hubungan yang rapat (*bonding*) antara mereka, yang menyukarkan untuk mereka berkongsi maklumat.

Perbezaan Struktur Pentadbiran Kerajaan Peringkat Negeri

Struktur pentadbiran kerajaan peringkat negeri/negeri di pihak Malaysia dan Indonesia yang mengendalikan dan menguruskan isu-isu sempadan khususnya GBC Malindo adalah berbeza. Untuk rekod, GBC Malindo dan HLC Malindo dikendalikan oleh kerajaan di peringkat pusat. Ini termasuk jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya iaitu COCC, JKL B dan JPCC. Hanya jawatankuasa SOSEK Malindo sahaja yang dikendalikan oleh pegawai daripada negeri/negeri. Di Malaysia, terdapat beberapa pihak yang menjalankan tugas sekretariat. Sebagai contoh sekretariat bagi GBC, HLC dan SOSEK adalah Bahagian Pengurusan Sempadan Darat, MKN, sekretariat bagi COCC dan JKL B adalah Bahagian Operasi Latihan Pertahanan, ATM manakala sekretariat bagi JPCC adalah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, PDRM.

Di Indonesia, fungsi sekretariat GBC Malindo dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia (Kemendagri) yang melapor terus kepada Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan. Struktur pentadbiran kerajaan di Indonesia terdapat empat kementerian yang mengkoordinasi isu-isu utama negara di bawah Presiden Indonesia iaitu (i) Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan, (ii) Kementerian Koordinator Bidang Perekonomian, (iii) Kementerian Koordinator Bidang Kemaritiman dan Investasi dan (iv) Kementerian Koordinator Bidang Pembangunan Manusia dan Kebudayaan.²⁶ Kebanyakan hal-hal yang berkaitan pengurusan keselamatan sempadan di Indonesia terletak di bawah Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan yang mana menyelaras semua perkara berkaitan pertahanan, keselamatan dalam negeri, keselamatan sempadan, undang-undang, politik melibatkan kementerian dan agensi

seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, TNI, POLRI dan juga agensi lain yang berkaitan dengan pengurusan keselamatan sempadan.

Dalam hubungan ini, dapat dilihat bahawa struktur pentadbiran GBC Malindo khususnya melalui peranan yang dimainkan oleh pihak sekretariat yang berbeza antara Malaysia dan Indonesia telah mewujudkan jurang dalam tadbir urus GBC Malindo secara keseluruhannya. Berdasarkan pengendalian isu, terlihat Malaysia mempunyai kelebihan apabila dikendalikan oleh pegawai yang sama, di mana semua maklumat adalah terkumpul. Perkara ini memudahkan pegawai untuk memberikan jawapan kepada segala isu yang diketengahkan. Berbanding Indonesia, ianya dikendalikan dan diurusetiaikan oleh Kementerian berlainan. Perkara ini menyebabkan masalah pengurusan isu-isu dalam GBC Malindo termasuk hal yang berkaitan perkongsian maklumat di pihak Indonesia. Sehingga terdapat insiden di mana sekretariat Indonesia terpaksa meminta maklumat daripada sekretariat Malaysia kerana mereka tidak berjaya mendapatkannya daripada Kementerian berkaitan di Indonesia.²⁷ Situasi yang berlaku di Indonesia ini adalah disebabkan oleh struktur pentadbiran kerajaan yang ditetapkan oleh elit politik yang memerintah pada satu-satu ketika sehingga menyebabkan birokrasi politik yang menyukarkan gerak kerja GBC Malindo.

Isu Penyaluran Peruntukan Kewangan di Peringkat Negeri

Dalam pada itu, birokrasi politik juga wujud dalam penyaluran peruntukan kewangan bagi program dan aktiviti GBC Malindo khususnya di peringkat negeri. Menurut maklum balas daripada sekretariat Indonesia iaitu Bapak Nur Syahrizal, Kemendagri menyatakan negeri hanya akan menjalankan aktiviti sekiranya kerajaan pusat mahu memberikan peruntukan ke atas aktiviti tersebut. Kekangan yang berlaku adalah negeri tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Perkara ini menyebabkan negeri tidak dapat melaksanakannya sehingga menyebabkan aktiviti-aktiviti tersebut tertangguh ataupun tidak dapat dilaksanakan. Menurut beliau lagi, sekiranya arahan diberikan tanpa sebarang peruntukan daripada kerajaan pusat, negeri akan hilang fokus dan tidak memberikan perhatian atau tidak bersungguh untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut kerana tiada peruntukan.

Program dan aktiviti dalam SOSEK malindo banyak yang tertangguh disebabkan oleh birokrasi politik khususnya melibatkan peruntukan kewangan di sebelah Indonesia. Perkara ini berlaku sebenarnya berakar umbi daripada birokrasi politik di pihak Indonesia. Menurut salah seorang sekretariat Sosek Malindo iaitu Bapak Triadi Maharso daripada Kemendagri, pegawai yang menguruskan atau mengurusetiaikan SOSEK Malindo sering bertukar. Sejak 2001, berlaku perubahan besar-besaran pertukaran pegawai ini di mana sebelumnya ia sama dengan Malaysia iaitu pegawai lama banyak dikekalkan. Ianya melibatkan pertukaran ahli politik yang memegang jawatan di Kemendagri dan Kementerian-Kementerian lain yang berkaitan. Apabila ahli politik bertukar, amalan budaya di Indonesia adalah semua pegawai-pegawai yang mengendalikan isu-isu dalam SOSEK Malindo juga akan ditukar. Ini disebabkan ahli politik tersebut akan membawa pegawai-pegawainya sendiri. Perkara ini disebabkan ahli politik tersebut berpandangan bahawa pegawai terdahulu telah menyokong ahli politik sebelumnya dan ianya seperti melanggar prinsip ahli politik tersebut bahawa mereka yang bekhidmat di bawahnya mesti yang menyokongnya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis mendapati bahawa sebagai bekas tanah jajahan (Malaysia-British, Indonesia-Belanda) identiti politik di kedua-dua negara tersebut adalah berdasarkan acuan dan takrifan mereka (penjajah) tanpa mengambil kira budaya, etnik, sosial, ideologi. Oleh kerana itu, wujud konflik identiti di sempadan memandangkan kedua-dua negara berkongsi budaya, ideologi dan etnik yang sama yang memerlukan interaksi sosial rentas sempadan. Isu-isu berkaitan dengan geopolitik antara Malaysia dan Indonesia khususnya melibatkan tuntutan bertindih adalah bukti bahawa perbezaan takrifan dalam membentuk sempadan politik (identiti politik) di sempadan. Situasi ini merupakan perkara biasa memandangkan proses pembentukan sempadan mengambil masa yang lama khususnya dari segi kerangka perundangan. Konsep negara bangsa hanya wujud di kedua-dua negara ini selepas Perang Dunia Kedua berakhir apabila kebanyakan negara yang dijajah menuntut kemerdekaan. Penetapan sempadan politik adalah syarat asas kepada pembentukan negara dan merupakan hal kuasa memerintah ke atas sesuatu wilayah oleh kerajaan sesebuah negara.

Pengaruh politik merupakan *push factor* kepada pengukuhan keselamatan sempadan darat kedua-dua negara melalui penetapan dasar dan polisi keselamatan sempadan manakala tahap kesedaran dan penglibatan komuniti sempadan dalam program dan aktiviti GBC Malindo adalah rendah. Sempadan darat Malaysia-Indonesia menyaksikan wujudnya pengaruh politik yang kuat berikutan perkembangan dan kedinamikan hubungan dua hala kedua-dua negara sejak kemerdekaan lagi. Tidak dapat dinafikan pengaruh politik sering dimainkan oleh elit politik kedua-dua negara dalam mempengaruhi pendekatan dan strategi pengurusan keselamatan sempadan termasuk konfrontasi Indonesia ke atas pembentukan Malaysia, ancaman komunis oleh PGRS dan PARAKU di Kalimantan, pemilikan Malaysia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan serta lain-lain isu kedaulatan dan keselamatan sempadan seperti yang telah dinyatakan. Walaupun kedua-dua negara berkongsi sempadan darat yang sama, namun pendekatan dan strategi berbeza berdasarkan tahap ancaman dan juga pengaruh elit politik yang memerintah.

Berdasarkan analisis juga, dapat dirumuskan bahawa faktor politik sememangnya wujud dalam pengurusan keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia. Situasi ini berlaku kerana peranan elit politik itu sendiri yang bertanggungjawab dalam menentukan halatuju melalui penetapan dasar dan polisi keselamatan sempadan Malaysia-Indonesia melalui kepengerusian GBC Malindo. Tahap keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia yang masih rendah dan sempadan yang porus telah menyebabkan aktiviti jenayah rentas sempadan khususnya melibatkan penyeludupan barangan bersubsidi dan PATI telah menarik minat elit politik domestik juga untuk memperjuangkan isu tersebut bagi memperoleh kepentingan politik. Dalam pada itu, birokrasi politik yang wujud pula telah menyebabkan jurang dalam tadbir urus GBC Malindo khususnya apabila melibatkan perubahan struktur politik di Indonesia yang menyebabkan pertukaran anggota yang menguruskan GBC Malindo serta struktur peruntukan kewangan di peringkat negeri yang mengganggu pelaksanaan program dan aktiviti di bawah GBC Malindo.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* (Jebat), yang membantu penerbitan artikel ini serta penghargaan juga kepada pegawai-pegawai kerajaan daripada Malaysia dan Indonesia, yang sudi ditemubual.

Nota

- ¹ Fawcett, P., Legrand, T., Lewis, J. M., & O'Sullivan, S, Governance, public policy, and boundary-making. *Australian Journal of Political Science*, 53(4), 2018, hlm. 480-489.
- ² Koslowski, R., *The evolution of border controls as a mechanism to prevent illegal immigration*, Migration Policy Institute, Washington, DC. 2011.
- ³ Dinyatakan dalam 'Office of the Press Secretary, The White House' pada 26 Oktober 2006.
- ⁴ Fortune, C., & Beylier, P. A, Cross-border mobility in Nogales/Nogales and Blaine/White Rock since Donald Trump's election. In Swiss Mobility Conference organise par Vincent Kaufmann et Patrick Rerat, Universite de Lausanne, October, 2020.
- ⁵ Laporan *Refugees International* bertarikh 31 Julai 2018 bertajuk: *The Trump Zero Tolerance Policy: A Cruel Approach with Humane and Viable Alternatives*.
- ⁶ Valencia, M. J. The South China Sea: Back to the Future? *Global Asia*, 5(4), 2010, hlm. 8-15.
- ⁷ Welt, C, Political Change and Border Security Reform in Eurasia: The Case of Georgia. *Nonproliferation Review*, 12(3), 2005, hlm. 503-537.
- ⁸ Canestaro, N. A, *Realism and transnationalism: Competing visions for international security*. BU Int'l LJ, 25, 2007, hlm.113.
- ⁹ Aydinli, E, (ed.) *Emerging transnational (in) security governance: a statist-transnationalist approach*. Routledge, 2010.
- ¹⁰ Ashby, P, Solving the border paradox? Border security, economic integration and the merida initiative. *Global Society*, 28(4), 2014, hlm. 483-508.
- ¹¹ Dollah, R., Radzi, M. M., Hassan, W. S. W., & Maraining, A, Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan identiti komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Society and Space*, 11, 2015, hlm. 9-20.
- ¹² Harun, R., Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama duahala Malaysia dan negara-negara jiran. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, 36, 2009, hlm.16-40.
- ¹³ Rodzi Md Saad, Ketua Pengarah Keselamatan Negara. Putrajaya. 10 Jan 2023. Temu bual.
- ¹⁴ Bapak Nur Syahrizal dan Bapak Triadi Maharso, Kemendagri. Jakarta, Indonesia. 19 Sep 2022. Temu bual.
- ¹⁵ Siagian, B. D. O., Perwita, A. A. B., Eko, R., Ali, Y., Fitriati, R., & Pramono, B, The Concept of Indonesian National Security System in Facing 21st Century Strategic Environment Dynamics. *Review of International Geographical Education Online*, 11(8), 2021.
- ¹⁶ *Bernama*. June 5, 2020. ATMs are recommended to add members at the country's borders.
- ¹⁷ *Bernama*. April 14, 2023. Sarawak offered the location of the Malaysia-Indonesia land border control post.
- ¹⁸ Maksum, A, Isu Pertindihan Wilayah Dan Hubungan Indonesia-Malaysia Pada Era Pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono: The Boundary Overlap Issues and Indonesia-Malaysia Relations During the Susilo Bambang Yudhoyono Administration. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 30(2 (December), 2021.
- ¹⁹ Riyandi, Ahmad. March 11, *IKN transfer is not the interest of Kaltim, but the Indonesian nation*, Administration Bureau of Setda Provinsi Kaltim, 2023.
- ²⁰ Khairil Hilmi bin Mokhtar, Pengarah Keselamatan Strategik, Pejabat Perdana Menteri. Putrajaya. 30 Jan 2023. Temu bual.
- ²¹ Palansamy, Yiswaree. March 16, 2022. Defence minister: Indonesia's new capital will help Malaysia's economy but also lead to rise in transboundary crime. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/03/16/defence-minister-indonesias-new-capital-will-help-malaysias-economy-but-als/2047770>
- ²² Pembangunan Pos Lintas Batas Negara (PLNB) baru dan naik taraf giat dilaksanakan oleh Indonesia di bawah Pentadbiran Presiden Jokowi yang memberi fokus terhadap pembangunan di sempadan.
- ²³ *Mingguan Malaysia*, 1988. Malaysia-Indonesia benteng akhir pertahanan kebudayaan Melayu.
- ²⁴ Tidak termasuk mesyuarat yang dilaksanakan melalui SPC sebelum ditukar kepada HLC.

²⁵ Triadi Maharso, Kemendagri. Jakarta, Indonesia. 19 September 2022. Temu bual.

²⁶ Nur Syahrizal, Kemendagri. Jakarta, Indonesia. 19 September 2022. Temu bual.

²⁷ Triadi Maharso, Kemendagri. Jakarta, Indonesia. 19 September 2022. Temu bual.

Rujukan

- Alfitra, S. 1988. "Malaysia-Indonesia benteng akhir pertahanan kebudayaan Melayu," *Mingguan Malaysia*, Jun 2025.
- Ashby, P. 2014. "Solving the border paradox? Border security, economic integration and the merida initiative," *Global Society* 28, no. 4: 483-508.
- Aydinli, E. (Ed.). 2010. *Emerging transnational (in) security governance: a statist-transnationalist approach*. Routledge.
- Bernama. 2020. "ATMs are recommended to add members at the country's borders," Jun 5. Diakses 20 Jun 2025.
- Bernama. 2023. "Sarawak offered the location of the Malaysia-Indonesia land border control post," April 14. Diakses 20 Jun 2025.
- Canestaro, N. A. 2007. *Realism and transnationalism: Competing visions for international security*. BU Int'l LJ, 25, 113.
- Dollah, R., Radzi, M. M., Hassan, W. S. W., & Maraining, A. 2015. "Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan identiti komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia," *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Society and Space* 11: 9-20.
- Fawcett, P., Legrand, T., Lewis, J. M., & O'Sullivan, S. 2018. "Governance, public policy, and boundary-making," *Australian Journal of Political Science* 53 no. 4: 480-489.
- Fortune, C., & Beylier, P. A. 2020, October. "Cross-border mobility in Nogales/Nogales and Blaine/White Rock since Donald Trump's election." In *Swiss Mobility Conference organise par Vincent Kaufmann et Patrick Rerat*, Universite de Lausanne.
- Harun, R. 2009. "Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama duahala Malaysia dan negara-negara jiran," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies* 36: 16-40.
- Koslowski, R. 2011. *The evolution of border controls as a mechanism to prevent illegal immigration*. Migration Policy Institute, Washington, DC.
- Maksum, A. 2021. "Isu Pertindihan Wilayah Dan Hubungan Indonesia-Malaysia Pada Era Pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono: The Boundary Overlap Issues and Indonesia-Malaysia Relations During the Susilo Bambang Yudhoyono Administration," *Sejarah: Journal of the Department of History* 30, no. 2: 153-167.
- Office of the Press Secretary, The White House. Oktober 26, 2006.
- Palansamy, Yiswaree. 2022. "Defence minister: Indonesia's new capital will help Malaysia's economy but also lead to rise in transboundary crime," *Malay Mail*, Mac 16.
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/03/16/defence-minister-indonesias-new-capital-will-help-malaysias-economy-but-als/2047770>
- Sa'ad, S., & Huda, M. I. M. 2023. "Border Security Cooperation Framework: Analysis from The Perspective of Boundary Making Theory," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13, no. 9: 226 – 239.
- Siagian, B. D. O., Perwita, A. A. B., Eko, R., Ali, Y., Fitriati, R., & Pramono, B. 2021. "The Concept of Indonesian National Security System in Facing 21st Century Strategic Environment Dynamics," *Review of International Geographical Education Online* 11, no. 8: 1232-1242.
- Riyandi, Ahmad. 2023. "IKN transfer is not the interest of Kaltim, but the Indonesian nation," *Administration Bureau of Setda Provinsi Kaltim*, Mac 11.

- The Trump Zero Tolerance Policy: A Cruel Approach with Humane and Viable Alternatives. July 31, 2018. Refugees International's report, Washington, D.C.
- Valencia, M. J. 2010. "The South China Sea: Back to the Future?," *Global Asia* 5, no. 4: 8-15.
- Welt, C. 2005. "Political Change and Border Security Reform in Eurasia: The Case of Georgia," *Nonproliferation Review* 12, no. 3: 503-537.